



UNIVERSITI
M A L A Y A

PUSAT PERUBATAN UM

Anda dinasihati supaya;

Hadir sekurang-kurangnya 45 minit lebih awal di kaunter Jabatan Pengimejan Bio-Perubatan dari masa janjitemu anda untuk tujuan pendaftaran dan persediaan prosedur.

Sekiranya anda didapati terlewat dari masa yang diberikan, pemeriksaan pengimejan anda tidak akan dijalankan dan ditunda ke tarikh yang lain.

Hadir lebih awal dari masa janjitemu untuk mengelakkan masalah kesesakan lalulintas dan mendapatkan tempat letak kereta di PPUM.

Jika anda tidak dapat hadir, sila hubungi kami:

Tel: 03-79493523 /2526 (kaunter janjitemu)

Sila simpan nombor-nombor kaunter janjitemu Jabatan Pengimejan Bio-Perubatan di dalam telefon bimbit anda sebagai rujukan sekiranya terdapat pindaan pada tarikh janjitemu dari pihak PPUM (03-7949 4411/ 4444/4455/ 4477/ 4488/ 4499).

**JABATAN
PENGIMEJAN BIO-PERUBATAN
*MAMMOGRAFI***

JANJITEMU:

NAMA:.....

NO R/N:.....

TARIKH:

MASA:..... PAGI/PETANG

TARIKH AKHIR HAID:.....

JANJITEMU DIBERI OLEH:.....

NOTA PENTING!!!!

Sila lihat di mukasurat belakang brosur

Pemeriksaan Mammografi.

1. Apakah itu mammografi?

Mammogram adalah pengimejan payudara yang menggunakan faktor dedahan X-ray yang rendah. Pemeriksaan ini dapat membantu dalam mengesan kanser payudara. Wanita berumur 40 tahun dan ke atas disyorkan untuk membuat pemeriksaan ini setiap 1-2 tahun.

2. Bagaimana ia dilakukan?

Payudara akan ditempatkan di unit mammografi. Biasanya 2 imej sisi payudara akan diimbas bagi tujuan diagnosa. Kadangkala imej tambahan mungkin diperlukan.

3. Berapa lamakah pemeriksaan Mammografi ini dijalankan?

Prosedur keseluruhan akan mengambil masa lebih kurang 20-30 minit.

4. Apakah yang perlu dilakukan sebelum menjalani pemeriksaan Mammografi?

Anda tidak dibenarkan memakai deodaran, bedak talkum atau losyen kerana butiran daripada bahan-bahan ini akan menyebabkan artifak pada imej yang boleh menyerupai sel-sel kanser.

5. Apakah risiko menjalani Mammografi?

Bagi wanita berumur 40 tahun dan ke atas, risiko dan sensitiviti radiasi adalah lebih rendah berbanding dengan wanita yang berumur kurang dari 40 tahun. Maka pemeriksaan mammografi bagi wanita yang berumur kurang dari 40 tahun adalah tidak digalakkan.

6. Bilakah pemeriksaan ultrasound payudara dijalankan?

Pada kebiasaan, pemeriksaan ultrasound payudara dilakukan untuk mengesahkan ketulan yang terdapat pada imej mammografi.

Anda dinasihatkan untuk:

- Memberitahu doktor mengenai pembedahan yang pernah dilakukan, pengambilan hormon atau sejarah keluarga yang mempunyai kanser payudara atau kanser yang lain.
- Anda dikehendaki memberitahu doktor atau Juru X-ray bertugas jika terdapat tanda-tanda kehamilan atau disahkan mengandung.
- Anda hendaklah memberitahu Juru X-ray yang bertugas jika ada tanda-tanda atau masalah payudara sebelum pemeriksaan dijalankan.
- Sila bawa bersama filem mammogram lama pada hari pemeriksaan dijalankan (sekiranya ada).
- Selepas pemeriksaan dijalankan, anda diminta menunggu sehingga diberi kebenaran untuk pulang.